

JOHOR BAHRU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SPM

TAHUN 2021

PRINSIP PERAKAUNAN

3756/2

Kertas 2

November

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **dua** soalan dalam **Bahagian B**.*
3. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
5. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
6. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
7. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.*
8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
9. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan

- 1 (a) Pada 1 Mac 2021, Lalisa Enterprise membeli satu set perabot bernilai RM10 000 dan telah menetapkan kadar susut nilai sebanyak 5% setahun.
Pada akhir tempoh perakaunan, akauntan Lalisa Enterprise telah merekodkan perabot pada nilai kos RM10 000 dalam penyata kedudukan kewangan.

Nyatakan prinsip, andaian dan konsep perakaunan yang dipatuhi oleh Lalisa Enterprise.

[2 markah]

- (b) Urus niaga berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Iqbal.

Mengeluarkan cek untuk menjelaskan sepenuhnya hutang berjumlah RM1 500 selepas menerima diskaun sebanyak 5% .

Nyatakan kesan urus niaga tersebut terhadap Ekuiti Pemilik.

[2 markah]

- (c) Nyatakan aspek keuntungan dan kerugian bagi jenis pemilikan perniagaan berikut:

Jenis pemilikan perniagaan	Aspek keuntungan dan kerugian
(i) Milikan tunggal	
(ii) Perkongsian	

[2 markah]

- (d) Kelab Futsal Mutiara memberikan maklumat berikut :

Bilangan ahli	175 orang
Yuran masuk	RM100
Yuran tahunan	RM100
Yuran ahli belum terima pada akhir tahun perakaunan	RM750

Hitung jumlah yuran tahunan.

[2 markah]

(e) Butiran berikut diambil daripada buku Kilang Zam pada 31 Disember 2020.

	RM
Jualan	108 000
Belian	50 000
Inventori 1 Januari 2020	38 000
Inventori 31 Disember 2020	25 000
Kos Jualan	63 000

Hitungkan Tokokan Kilang Zam pada tahun 2020.

[2 markah]

- 2 Chee Trading ialah sebuah kedai runcit yang beroperasi di Mount Austin, Johor Bahru. Semua rekod perakaunan telah disediakan dengan mengamalkan sistem catatan tunggal. Maklumat berikut adalah baki-baki aset dan liabiliti Chee Trading

	1 April 2020	31 Mac 2021
	RM	RM
Premis	150 000	150 000
Kenderaan	56 000	56 000
Perabot	6 500	7 200
Inventori	7 600	9 200
Akaun Belum Terima	8 900	10 200
Kadar bayaran prabayar	200	250
Komisen belum terima	350	-
Akaun Belum Bayar	6 700	7300
Pinjaman	24 000	?
Kadar bayaran belum bayar	-	270

Ringkasan buku tunai bagi tahun berakhir 31 Mac 2021 adalah seperti berikut:

Buku Tunai			
	RM		RM
Baki b/b	5 700	Akaun Belum Bayar	9 080
Akaun Belum Terima	12 000	Belian	22 680
Jualan	34 650	Perabot	1 500
Komisen	1 280	Kadar bayaran	1 340
		Angkutan masuk	460
		Pinjaman	4 800
		Faedah atas pinjaman	600
		Ambilan	1 470
		Belanja Am	870
		Gaji	1 200

Anda telah mengenalpasti maklumat berikut:

- (i) Perkara ini belum direkodkan:
 - a. Encik Chee telah mengambil barang bernilai RM1 200 untuk kegunaan sendiri.
 - b. Seorang pelanggan didapati muflis dan hutangnya sebanyak RM150 dihapuskan sebagai hutang lapuk
- (ii) Peruntukan Hutang Ragu sebanyak 4% atas Akaun Belum Terima diwujudkan
- (iii) Kenderaan dibeli pada 18 September 2020 dan disusut nilaikan 10% mengikut kaedah ansuran tetap.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Kawalan [3 markah]
- b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2021 [12 markah]
- c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2021 [10 markah]

- 3 Alya menjalankan Perniagaan Alat Tulis Sentosa yang beroperasi di Larkin. Beliau menggunakan Buku Tunai Tiga Ruangan untuk merekod urus niaga tunai dan bank serta menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan nilai panjar berjumlah RM200.

Baki pada 30 Jun 2021 adalah seperti berikut:

	RM
Bank	6 300
Tunai	800
Buku Tunai Runcit	47

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Julai 2021.

Tarikh Julai	Butir	Jumlah RM
1	Rekupmen dengan cek	?
2	Jualan tunai	3 223
5	Bayaran kepada Pembekal Book Future dengan cek dan menerima diskaun RM254	1 244
7	Bungkusan dan pos	13
9	Membeli barang niaga secara tunai	2 025
11	Bayaran minuman dan kuih	21
16	Terima cek daripada Hajar Enterprise	1 830
20	Bayaran Kertas dan dakwat pencetak	65
23	Bayaran untuk setem dan pos	24
28	Bayaran gaji pekerja dengan cek	1 200
30	Tunai dibankkan	1 800

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan Buku Tunai (gunakan **Lampiran A**) [8 markah]
- (b) Menyediakan Buku Tunai Runcit bagi bulan Julai dengan menunjukkan rekupmen bulan berikutnya. Tunjukkan lajur Alat Tulis, Belanja Pos dan Belanja Pejabat (gunakan **Lampiran B**) [7 markah]
- (c) Memindahkan jawapan di (a) dan (b) ke Lejar [10 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Adam, Mala dan Ng merupakan pekongsi dalam Perkongsian Amani yang menjalankan perniagaan pakaian di Mid Valley Southkey Johor Bahru. Ikatan Perjanjian Perkongsian mereka adalah seperti berikut:
- (i) Faedah atas ambilan dikenakan sebanyak 5% setahun.
 - (ii) Faedah atas modal dibayar 10% setahun.
 - (iii) Faedah atas pinjaman pekongsi ialah 8% setahun.
 - (iv) Mala dan Ng menerima gaji RM15 000 setahun setiap seorang.
 - (v) Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah 3:2:1.

Maklumat berikut diperoleh pada 30 Jun 2021:

	RM
Modal pada 1 Julai 2020:	
Adam	30 000
Mala	20 000
Ng	10 000
Modal tambahan Adam (1 Januari 2021)	15 000
Akaun Semasa pada 1 Julai 2020:	
Adam	2 400
Mala	3 560 (debit)
Ng	1 370
Ambilan:	
Adam (1 Januari 2021)	1 800
Mala	1 500
Ng	1 200
Gaji:	
Mala	15 000
Ng	7 000
Pinjaman – Mala	25 000
Faedah atas Pinjaman	1 500

Maklumat Tambahan :

Untung bersih ialah RM45 000 dan belum mengambil kira perkara-perkara berikut:

- (i) Gaji pekerja belum bayar RM1 000.
- (ii) Faedah atas pinjaman adalah mengikut ikatan perkongsian yang telah ditetapkan.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021. [11 markah]
- (b) Akaun Semasa pekongsi (beruangan). [9 markah]

5 (a) Puan Mutiara bercadang memulakan perniagaan menjual pakaian Muslimah dengan pelaburan tunai berjumlah RM15 000 dan alatan pejabat RM5 000 sebagai modal. Beliau menjangkakan penerimaan dan pembayaran dalam perniagaannya bagi 3 bulan berakhir 31 Mac 2021 seperti berikut:

- i. Jualan Tunai bagi bulan Januari berjumlah RM30 000 dan dijangka meningkat setiap bulan sebanyak 5% daripada jualan bulan sebelumnya.
- ii. Anggaran belian pakaian bagi 3 bulan adalah seperti berikut:

Bulan	RM
Januari	15 000
Februari	14 500
March	15 200

Menjadi amalan perniagaan 70% daripada belian adalah secara tunai dan bakinya adalah secara kredit. Tempoh kredit adalah sebulan.

- iii. Alatan bernilai RM10 000 dibeli dalam bulan Januari.
- iv. Pada bulan Januari, seorang pekerja diambil dan ditambah seorang lagi pada bulan Mac. Gaji bulanan seorang pekerja RM900.
- v. Sewa kedai adalah sebanyak RM1 000 sebulan. Bayaran dibuat pada awal setiap suku tahun.
- vi. Sebuah mesin peruncitan automatik akan diletakkan di hadapan kedai oleh sebuah syarikat minuman ringan bermula pada bulan Februari dengan sewa bulanan RM500.
- vii. Alatan disusutnilai 10% setahun atas kos.
- viii. Perniagaan bercadang untuk memohon pinjaman sebanyak RM20 000 pada Februari berkadar faedah 8% setahun. Pinjaman akan dibayar balik secara bulanan selama 4 tahun, bermula pada bulan berikutnya.

Anda di kehendaki menyediakan, belanjawan tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2021.

[14 markah]

(b) Ally seorang peniaga dalam sebuah perniagaan milikan tunggal. Untung bersih perniagaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2021 ialah RM25 000.

Selepas penyediaan Imbangan Duga dan Akaun penamat, beberapa kesilapan telah dikesan seperti berikut :

- (i) Bil elektrik bagi bulan Jun RM600 belum dibayar
- (ii) Invois yang dikeluarkan kepada Sathia terkurang catat RM200
- (iii) Jualan barang niaga RM2 430 kepada kepada Benjy telah dicatat dalam Akaun Benny.

Anda dikehendaki menyediakan catatan jurnal untuk membetulkan kesilapan tersebut. (Keterangan tidak diperlukan)

[6 markah]

- 6 Perusahaan SNN merupakan pengeluar Industri Kecil dan Sederhana (IKS) berasaskan produk kacang di Johor Bahru. Berikut adalah maklumat jumlah kos dan jumlah hasil pada pelbagai keluaran makanan ringan bagi tahun kewangan 31 Oktober 2021.



*KACANG TANAH

*KACANG PARANG

Butiran	RM	
Susut nilai Mesin dan alatan	18 000	
Sewa bangunan	2 000	
Aneka kacang	8.00	1 kg/paket
Minyak masak	6.00	1 kg/paket
Garam halus	0.60	500gm/paket
Gula pasir	2.95	1000gm/paket
Bahan perisa	4.45	60gm/paket
Upah langsung	8	
Harga jualan seunit	40	1 kg/paket

(a) **Anda dikehendaki menghitung:**

- (i) Jumlah Kos Tetap [1 markah]
- (ii) Jumlah Kos Berubah Seunit [1 markah]
- (iii) Margin Caruman Seunit [2 markah]
- (iv) Titik Pulang Modal [2 markah]

- (b) Berdasarkan jawapan 6(a), lakarkan graf titik pulang modal di atas kertas graf dengan menunjukkan :
- (i) Garisan Kos Tetap
 - (ii) Garisan Jumlah Hasil
 - (iii) Garisan Jumlah Kos
 - (iv) Titik Pulang Modal
 - (v) Lorekkan kawasan untung dan rugi [6 markah]
- (c) Hitungkan unit yang perlu dijual untuk memperolehi keuntungan sebanyak RM10 000 [2 markah]
- (d) Hitungkan keuntungan Perusahaan SNN sekiranya syarikat mensasarkan pengeluaran sebanyak 5 000 botol/peket dengan harga jualan meningkat kepada RM42 (1kg/peket) [2 markah]
- (e) Berikan 3 Fungsi atau Kegunaan Titik Pulang Modal [3 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT